



INTERNATIONAL JOURNAL OF EDUCATION, PSYCHOLOGY AND COUNSELLING (IJEPC)

www.ijepec.com



KESAN MODUL PENCEGAHAN BULI TERAPI KOGNITIF TINGKAH LAKU TERHADAP KECERDASAN EMOSI DALAM KALANGAN PELAJAR SEKOLAH MENENGAH DI MALAYSIA

THE EFFECT OF COGNITIVE BEHAVIORAL THERAPY BULLYING PREVENTION MODULE ON EMOTIONAL INTELLIGENCE AMONG SECONDARY SCHOOL STUDENTS IN MALAYSIA

Nor Farahana Aini Idris^{1*}, Fauziah Mohd Sa'ad²

¹ Department of Guidance & Counseling, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia

Email : farahanaidris87@gmail.com

² Department of Guidance & Counseling, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia

Email: fauziah_msaad@fpm.upsi.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 19.10.2024

Revised date: 14.11.2024

Accepted date: 24.12.2024

Published date: 31.12.2024

To cite this document:

Idris, N. F. A., & Sa'ad, F. M. (2024). Kesan Modul Pencegahan Buli Terapi Kognitif Tingkah Laku Terhadap Kecerdasan Emosi Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Di Malaysia. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 9 (56), 1114-1127.

DOI: 10.35631/IJEPC.956070

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Kajian eksperimen ini bertujuan mengukur kesan Kaunseling Kelompok Bimbingan Kecil Modul Pencegahan Buli (KKBKMBP) dan Kaunseling Kelompok Bimbingan Besar Modul Pencegahan Buli (KBBMPB) menggunakan pendekatan Terapi Kognitif Tingkah Laku (TKT) ke atas Kecerdasan Emosi (KE) dalam kalangan pelajar sekolah. Kajian ini melibatkan pelajar tingkatan dua dari dua buah sekolah menengah di daerah Kuala Muda, Kedah dan di daerah Maran, Pahang. Seramai 90 orang subjek kajian dipilih memasuki dua kelompok rawatan dan satu kelompok kawalan. Inventori Kebijaksanaan Emosi Sofian (IKES) telah digunakan. Subjek dibahagikan kepada tiga kumpulan; (i) KBKMPB seramai 30 orang pelajar dibahagikan kepada tiga kelompok kecil (R1a=10, R1b= 10, R1c=10), (ii) KBBMPB seramai 30 orang pelajar dalam satu kelompok besar (R2=30) dan (iii) kumpulan kawalan seramai 30 orang (K1=30). Subjek kelompok rawatan diberi bimbingan kelompok selama sembilan minggu. Data dianalisis menggunakan kaedah deskriptif, MANOVA, MANCOVA dan *Post Hoc Tukey* pada nilai aras signifikan 0.05. Kajian mendapati rawatan KBKMPB dan KBBMPB berkesan dalam meningkatkan pemboleh ubah terikat KE kelompok rawatan berbanding kelompok kawalan. Namun, kelompok rawatan KBKMPB lebih berkesan berbanding rawatan KBBMPB. Kajian juga mendapati faktor jantina dan interaksi antara jantina tidak mempengaruhi kesan rawatan. Kajian ini memberi sumbangan kepada perkhidmatan bimbingan dan kaunseling apabila berjaya membangunkan satu modul yang berfokus kepada pencegahan berorientasikan pendekatan MPBTKT dalam meningkatkan KE pelajar.

Kata Kunci:

Kecerdasan Emosi, Kelompok Bimbingan, Modul Pencegahan Buli, Sekolah, Terapi Kognitif Tingkah Laku

Abstract:

This experimental study aims to measure the effects of Small Group Guidance Counseling with the Bullying Prevention Module (SGGCBPM) and Large Group Guidance Counseling with the Bullying Prevention Module (LGGCBPM) using the Cognitive Behavioral Therapy (CBT) approach on Emotional Intelligence (EI) among school students. The study involved form two students from two secondary schools in the Kuala Muda district of Kedah and the Maran district of Pahang. A total of 90 subjects were selected and divided into two treatment groups and one control group. The Sofian Emotional Intelligence Inventory (SEII) were utilized. The subjects were divided into three groups: (i) SGGC-BPM with 30 students divided into three small groups ($R1a = 10$, $R1b = 10$, $R1c = 10$), (ii) LGGC-BPM with 30 students in one large group ($R2 = 30$), (iii) the control group with 30 students ($C1 = 30$). The treatment groups underwent group guidance sessions for nine weeks. Data were analyzed using descriptive methods, MANOVA, MANCOVA, and Post Hoc Tukey at a significance level of 0.05. The study found that both SGGCBPM and LGGCBPM treatments were effective in improving the dependent variables of EI in the treatment groups compared to the control group. However, the SGGCBPM treatment was more effective than LGGCBPM. The study also revealed that gender factor and gender interaction did not influence the treatment effects. This research contributes to guidance and counseling services by successfully developing a module focused on prevention, oriented towards the CBTBPM approach, to enhance EI among students.

Keywords:

Emotional Intelligence, Bullying Prevention Module, Cognitive Behavioral Therapy, Guidance Group, School

Pengenalan

Dasar Pendidikan Kebangsaan (1961) yang bermatlamatkan untuk melahirkan satu masyarakat yang bersatu padu dan berdisiplin serta memenuhi keperluan tenaga rakyat yang terlatih bagi pembangunan negara dapat dicapai mengikut Laporan Jawatankuasa yang diterbitkan dalam tahun 1979. Dasar Pendidikan Kebangsaan (DPK) yang menekankan satu sistem pendidikan yang akan dapat memenuhi keperluan negara dan menggalakkan perkembangan kebudayaan, sosial, ekonomi, dan politik serta melahirkan masyarakat yang bersatu padu, berdisiplin dan terlatih.

Kajian yang dijalankan mengenai tingkah laku buli di sekolah telah dijalankan sejak 1970-an oleh Dan Olweus yang telah membuat beberapa siri kajian. Program *Olweus Bullying Prevention Programme* (OBPP) merangkumi peringkat sekolah, bilik darjah, dan individu pelajar serta komuniti (Olweus & Limber, 2010; Smith, 2014). Buli didefinisikan sebagai satu tingkah laku buli merupakan perbuatan salah laku yang dilakukan oleh pembuli dan boleh mendatangkan kesan yang amat buruk terhadap mangsa buli, sama ada kesan fizikal, fisiologi dan psikologi (Abdul Malek, 2004 & Bulach et al. 2003).

Mangsa buli didapati mengalami depression, tekanan, hilang minat dan motivasi belajar (DeVoe, Kaffenberger, & Chandler, 2005). Terdapat laporan menunjukkan remaja yang membunuh diri kerana tidak tahan menjadi mangsa buli. Pakar Psikologi Malaysia yang banyak menjalankan kajian mengenai buli iaitu Profesor Dr. Noran Fauziah Yaakub (2006) menyatakan bahawa gejala buli berakar pada keinginan pembuli untuk meraih kepuasan dengan menyakiti mangsa, baik secara fizikal mahupun verbal. Walaupun program pencegahan dilakukan, namun isu ini masih menjadi masalah yang signifikan di sekolah (Rigby, 1998).

Emosi merupakan komponen penting dalam mengendalikan kehidupan yang harmoni dan sejahtera. Namun, sekiranya emosi terganggu akan menimbulkan suasana tidak harmoni dan tidak tenteram kepada seseorang pelajar. Menurut Goleman (1998), Kecerdasan Emosi adalah berbeza mengikut keupayaan seseorang individu dan berkembang melalui pembelajaran dan persekitaran bagi membentuk kematangan seseorang individu. Salah satu kesan buli terhadap emosi adalah menyebabkan kemurungan. Kementerian Kesihatan Malaysia (2024) melaporkan bahawa kira-kira 85% dari mangsa buli menderita kesan psikologi jangka panjang serta mengalami penyakit berkaitan tekanan dalam hidup. Pelajar yang dibuli sering merasa rendah diri, emosi tak stabil dan tertekan akibat dibuli serta mencetuskan pelbagai perasaan negatif seperti sedih, ketakutan dan kerisauan.

Pernyataan Masalah

Jumlah kes buli terus meningkat pada tiga tahun kebelakangan ini berdasarkan laporan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pada tahun 2023. Pada tahun 2021 jumlah kes buli ialah 326 memandangkan ketika itu adalah Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan pelajar hanya mengikuti pembelajaran secara online dan itu mendorong kepada pengurangan berlakunya kes buli di sekolah. Namun, pada tahun 2022, kes melonjak kepada 3887 diikuti pada tahun 2023 kes buli terus melonjak kepada 4994 kes. Ini menunjukkan bahawa buli adalah satu perlakuan yang harus diberi pendidikan yang sewajarnya kerana ianya mungkin menjadi lebih serius.

Pada tahun 2020, seorang pelajar sekolah menengah di Johor berumur 14 tahun telah dipukul oleh enam orang pelajar senior sehingga mengakibatkan kecederaan pada otot dada serta paru-paru yang hampir bocor (Ahmad Azam, Mohamad Azhan, Mohd Zamre & Fatimah Yusro, 2021). Menurut Noran Fauziah, Ahmad Jazimin & Rajendran Nagappan (2005) mendapati bahawa pelajar yang berbeza daripada majoriti lebih cenderung untuk menjadi sasaran. Ini termasuk pelajar baharu, mereka yang mempunyai ciri fizikal atau sosial yang berbeza atau pelajar yang mendapat perhatian khusus daripada guru. Oleh itu, faktor-faktor ini sering menjadikan murid lebih terdedah kepada tingkah laku buli dalam persekitaran sekolah.

Jadual 1: Pecahan Kes Buli Mengikut Tahun 2021-2023

Tahun	Jumlah Kes
2021	326
2022	3887
2023	6528

(Laporan Kementerian Pendidikan Malaysia, 2023)

Pada tahun 2021, kes buli yang dilaporkan dibeberapa buah negeri. Contohnya di Perak yang menunjukkan kes buli dilaporkan adalah sebanyak 19 kes sahaja memandangkan ketika itu negara dilanda pandemik COVID dan pelajar sekolah menjalankan sesi pembelajaran secara atas talian. Namun, pada tahun 2022 iaitu Januari sehingga Julai, Polis Perak melaporkan kes

buli meningkat kepada 42 kes. Donegan (2012) menjelaskan bahawa remaja atau kanak-kanak mencari jalan keluar daripada kekecewaan mereka melalui cara membuli orang lain. Berdasarkan laporan media massa, keseriusan masalah buli dalam kalangan murid sekolah perlulah ditangani dengan segera. Jika tidak, ianya mungkin menjadi satu masalah besar kepada negara pada masa hadapan. Pada tahun 2022, KPM telah melancarkan portal aduan buli dan telah menerima 19 aduan buli selepas tiga hari portal berkenaan dilancarkan.

Kajian Lepas

Pendidikan merupakan asas penting bagi membangunkan masyarakat dan Negara Malaysia ke arah yang lebih baik. Memandangkan masyarakat di negara ini merupakan masyarakat majmuk, maka dasar pendidikan dilaksanakan mengikut keperluan masyarakat. Dasar Pendidikan yang dilaksanakan bukan sahaja bertujuan memberi pelajaran di sekolah semata mata tetapi sebagai alat untuk merealisasikan perpaduan bangsa dan agama. Sistem pendidikan di negara ini telah berkembang pesat lebih dari enam dekad sejak negara ini mengecapi kemerdekaan. Oleh yang demikian, apa yang diharapkan bukan sahaja dapat melahirkan pelajar yang bijak dalam pelajaran malah bijak dalam tindakan dan sahsiah selari dengan perkembangan pesat sistem pendidikan di negara ini.

Jadual 2: Kajian Literatur Kecerdasan Emosi

Pengkaji	Tajuk	Dapatan
Sarimah Ariffin (2017)	Kesan Bimbingan Kelompok Terhadap Kecerdasan Emosi dalam Kalangan Pelajar Salah Laku Disiplin	Modul Pendekatan Pemusatan Insan Membantu Tingkatkan Tahap Kecerdasan Emosi Pelajar Terlibat Dengan Salah Laku Disiplin.
Nuraidah Abdullah (2008)	Keberkesanan Kaedah Kaunseling Kelompok Berstruktur Dalam Meningkatkan Kecerdasan Emosi Remaja Lelaki Dan Perempuan	Pengujian Kesahan Dan Kebolehpercayaan Modul Kerdasan Emosi Adalah Tinggi Dan Sesuai Digunakan Dalam Kaunseling Kelompok.
Zarina Samin (2013)	Hubungan Antara Model Kecerdasan Emosi Goleman Dengan Kemahiran Keusahawanan Pelajar	Terdapat Hubungan Yang Signifikan Di Antara Lima Elemen Kecerdasan Emosi Goleman Dengan Kemahiran Keusahawanan. Keputusan Kajian Ini Membolehkan Para Pensyarah Meningkatkan Lagi Pengetahuan Mengenai Kecerdasan Emosi Dan Kemahiran Keusahawanan, Selain Dapat Membantu Kementerian Pendidikan Merancang Program-Program Yang Dapat Membentuk Kecerdasan Emosi Dan Kemahiran Keusahawanan Pelajar.

Haslina Ahmad (2013)	Tahap Kecerdasan Emosi Guru Sekolah Menengah Teknik (SMT)	Tahap Kecerdasan Emosi Guru Berada Pada Tahap Yang Sederhana Dan Bagi Elemen Intuisi Dan Sensitiviti Interpersonal Menunjukkan Perbezaan Diantara Guru Lelaki Dan Guru Perempuan. Pengkaji Merumuskan Bahawa Guru-Guru Sekolah Ini Perlu Diberi Perhatian Yang Serius Dalam Membangkitkan Kecerdasan Emosi Dalam Diri Mereka. Ini Kerana Guru Yang Cemerlang Perlu Mempunyai Kecerdasan Emosi Yang Baik Bagi Meningkatkan Pengetahuan Dan Kemahiran Dalam Bidang Pengajarannya.
Pilar, Nuria, Cerezo & Pablo (2021)	Peranan Kecerdasan Emosi dalam Buli Remaja: Kajian Bersistematik	Tahap Persepsi Emosi Lebih Tinggi Dalam Kalangan Pelajar Terlibat Buli Dan Tahap Pemahaman Dan Peraturan Emosi Yang Lebih Rendah Berbanding Pelajar Yang Tidak Terlibat Dalam Tingkah Laku Buli. Sangat Penting Untuk Merekabentuk Dan Melaksanakan Program Kecerdasan Emosi Dalam Konteks Sekolah Sebagai Pencegahan Dan Tindakan Terhadap Kejadian Buli.

Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan :


1. Menguji kesan rawatan KBKMPB dan KBBMPB Ukuran Min Ujian Pra dan Ujian Pos Kecerdasan Emosi (KE) dalam Kalangan Pelajar Sekolah Kelompok Rawatan dan Kelompok Kawalan.
2. Menguji kesan rawatan KBKMPB dan KBBMPB terhadap ukuran min ujian pra dan ujian pos ke atas subskala Kecerdasan Emosi (KE) iaitu Mengenali Emosi Diri (MED), Pengurusan Diri (PD), Kecekapan Sosial (KCS) dan Kemahiran Sosial (KS) dalam kalangan pelajar sekolah kelompok rawatan dan kelompok kawalan.

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini berbentuk kuasi eksperimental yang melihat kesan modul pencegahan buli terhadap dua kumpulan iaitu kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Neuman (2003) menjelaskan bahawa kaedah eksperimen merupakan kaedah yang paling baik dan berkesan dalam pengkajian kajian sosial kerana ia membolehkan wujudnya perhubungan di antara pemboleh

ubah serta dapat menunjukkan sebab dan kesan sesuatu pemboleh ubah. Data kajian ini dikumpulkan melalui kaedah kuantitatif manakala subjek kajian dipilih secara persampelan rawak bertujuan.

Rajah 1: Kerangka Konseptual Kajian



Subjek Kajian

Subjek kajian ini adalah seramai 90 orang dari dua buah sekolah menengah yang melibatkan pelajar tingkatan dua. Subjek kajian dibahagikan kepada dua jenis kelompok rawatan iaitu Kelompok Bimbingan Kecil Modul Pencegahan Buli (KBKMPB) dan Kelompok Bimbingan Besar Modul Pencegahan Buli (KBBMPB) dan satu kelompok kawalan. Bagi subjek dalam kelompok rawatan KBKMPB (R1) mempunyai tiga kelompok rawatan kecil iaitu R1a, R1b dan R1c. Manakala bagi kelompok rawatan KBBMPB (R2) hanya terdapat satu kelompok rawatan sahaja. Bagi kelompok kawalan pula, hanya satu sahaja kelompok kawalan (K1) yang dibentuk bagi kedua-dua jenis rawatan ini. Pemboleh ubah utama kajian iaitu Kecerdasan Emosi (KE) di uji dengan pra ujian (01) dan pos ujian (02) yang dijalankan ke atas subjek kelompok rawatan R1 yang mengikut intervensi KBKMPB (X1), R2 mengikuti intervensi KBBMPB (X2) dan kelompok kawalan (K1) tidak menerima sebarang bentuk rawatan intervensi.

Jadual 3 : Kajian Eksperimen Menggunakan Reka Bentuk Pra Ujian dan Pos Ujian Ke atas Kelompok Rawatan dan Kelompok Kawalan

Jenis Kelompok	Kelompok		
	Pra Ujian	Intervensi	Pos Ujian
Kelompok R1			
Kelompok R1a	01	X1	02
Kelompok R1b	01	X1	02
Kelompok R1c	01	X1	02
Kelompok R2	01	X2	02
Kelompok K1	01		02

Petunjuk : R1 = KBKMPB (3 kelompok rawatan iaitu R1a, R1b dan R1c).
 R2 = KBBMPB (1 kelompok rawatan)
 K1 = Kelompok kawalan
 01 = Pra Ujian
 X1 = Intervensi KBKMPB
 X2 = Intervensi KBBMPB
 02 = Pos Ujian

Sumber Rujukan: Mohammad Aziz Shah (2010) yang diubahsuai daripada Happner, Kivlighan & Wampold (1992).

Instrumen Kajian

Instrumen kajian ini ialah Modul Pencegahan Buli Terapi Kognitif Tingkah Laku (MPBTKT) dan Inventori Kebijaksanaan Emosi Sofian (IKES). MPBTKT mengandungi 9 sesi dan 23 aktiviti manakala soal selidik IKES mengandungi 80 item. Soal selidik menggunakan skala Likert untuk mendapatkan penilaian daripada responden. Menurut Mohd Majid (2005), subjek atau responden diperlukan untuk menilai semua pernyataan dalam soal selidik yang biasanya mempunyai dua ekstrem, sebagai contoh sangat setuju hingga sangat tidak setuju. Dalam kajian ini, skala Likert empat mata digunakan, iaitu Sangat Tidak Setuju (1), Tidak Setuju (2), Setuju (3), dan Sangat Setuju (4).

Dapatan Kajian

Jadual 4: Ringkasan Analisis MANCOVA Melihat Kesan KBKMPB Dan KBBMPB Ukuran Min Ujian Pra Dan Ujian Pos Kecerdasan Emosi (KE) Kelompok Rawatan Dan Kelompok Kawalan

Pemboleh ubah Terikat	Sumber	Jumlah Kuasa Dua Jenis III	Df	Min Kuasa Dua	F	Sig.
Kecerdasan	Ujian Pra dan Pos	5.939	2	2.970	13.480	.000
Emosi (KE)	Rawatan	15.267	2	7.633	23.317	.000

$p < .05$ (signifikan pada aras 95%)

Jadual di atas adalah keputusan kajian berdasarkan analisis MANCOVA melihat kesan rawatan KBKMPB dan KBBMPB menunjukkan terdapat perbezaan signifikan antara min ujian pra dengan min ujian pos pemboleh ubah terikat utama iaitu Kecerdasan Emosi (KE) pada nilai $F(2,86) = 13.480$, $p < .05$, manakala keputusan ujian pos ke atas kedua-dua rawatan KBKMPB dan KBBMPB adalah signifikan pada aras 95% ($p < .05$). Keputusan kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan min ujian pos bagi Kecerdasan Emosi (KE) mengikut kelompok yang berbeza ($p < .05$). Oleh itu, hipotesis adalah ditolak. Oleh kerana hasil analisis ini adalah signifikan, maka ujian *Post-Hoc* dijalankan. Ujian *Post Hoc* kaedah Tukey digunakan untuk melihat perbandingan skor min antara jenis rawatan pada kelompok pos dan kelompok kawalan ke atas semua pemboleh ubah kajian.

Jadual 5: Ringkasan Analisis Post Hoc Tukey Perbezaan Min Ujian Pos Antara Jenis Rawatan KBKMPB Dan KBBMPB Dalam Pemboleh Ubah Terikat Utama Subjek Keseluruhan

Pemboleh ubah		Kelompok		Perbezaan Min (I – J)	Sig.
		I	J		
Kecerdasan Emosi (KE)		KBKMPB	KBBMPB	.4571*	.002
		KBKMPB	K	.0346*	.961
		K	KBBMPB	.4225*	.004

$p < .05$ (signifikan pada aras 95%)

Jadual di atas adalah hasil analisis ujian *Post Hoc Tukey* yang menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara kelompok rawatan Kelompok Kaunseling Bimbingan Kecil Modul Pencegahan Buli (KBKMPB) dan Kelompok Bimbingan Besar Modul Pencegahan Buli (KBBMPB); antara kelompok kawalan dengan KBBMPB terhadap pemboleh ubah terikat utama iaitu KE kecuali antara KBKMPB dengan kelompok kawalan bagi KE.

Jadual 6: Ringkasan Analisis MANCOVA Melihat Kesan KBKMPB Dan KBBMPB Ukuran Min Ujian Pra Dan Ujian Pos Subskala Kecerdasan Emosi (KE) Iaitu Mengenali Emosi Diri (MED), Pengurusan Diri (PD), Kecekapan Sosial (KCS) Dan Kemahiran Sosial (KS) Kelompok Rawatan Dan Kelompok Kawalan

Pemboleh ubah Terikat	Sumber	Jumlah Kuasa		Df	Min Kuasa Dua	F	Sig.
		Dua	Jenis III				
Mengenali Emosi Diri (MED)	Ujian Pra dan Pos	1.693	2		.846	1.415	.249
	Rawatan	3.422	2		1.711	14.007	.000
Pengurusan Diri (PD)	Ujian Pra dan Pos	15.640	2		7.820	19.566	.000
	Rawatan	3.412	2		1.706	12.856	.000
Kecekapan Sosial (KCS)	Ujian Pra dan Pos	19.810	2		9.905	19.759	.000
	Rawatan	4.009	2		2.004	15.284	.000
Kemahiran Sosial (KS)	Ujian Pra dan Pos	11.857	2		5.928	20.064	.000
	Rawatan	4.372	2		2.186	16.618	.000

$p < .05$ (signifikan pada aras 95%)

Jadual di atas adalah keputusan kajian berdasarkan analisis MANCOVA menunjukkan terdapat perbezaan signifikan antara min ujian pra dengan min ujian pos subskala pemboleh ubah Kebijaksanaan Emosi pada nilai F . Bagi MED pada nilai $F(2,87) = 1.415$, $p > .05$; PD pada nilai $F(2,87) = 19.566$, $p < .05$; KCS pada nilai $F(2,87) = 19.759$, $p < .05$; dan KS pada nilai $F(2,87) = 20.064$, $p < .05$, manakala keputusan ujian pos ke atas kedua-dua rawatan KBKMPB dan KBBMPB adalah signifikan pada aras 95% ($p < .05$). Keputusan kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan min ujian pos bagi subskala PD, KCS dan KS mengikut kelompok yang berbeza ($p < .05$). Oleh itu, hipotesis adalah ditolak. Manakala, tidak terdapat perbezaan yang signifikan min ujian pos bagi subskala MED. Oleh itu, hipotesis bagi MED adalah diterima. Oleh kerana hasil analisis ini adalah signifikan, maka ujian *Post-Hoc Tukey* digunakan untuk melihat perbandingan skor min antara jenis rawatan pada kelompok pos dan kelompok kawalan ke atas semua subskala pemboleh ubah kajian.

Jadual 7: Ringkasan Analisis Post Hoc Tukey Perbezaan Min Ujian Pos Antara Jenis Rawatan KBKMPB dan KBBMPB Subskala Kecerdasan Emosi (KE) Subjek Keseluruhan

Pemboleh ubah	Kelompok		Perbezaan Min (I – J)	Sig.
	I	J		
Mengenali Emosi Diri (MED)	KBKMPB	KBBMPB	.4417*	.000
	KBKMPB	K	.0633	.763
	K	KBBMPB	.3783*	.000
Pengurusan Diri (PD)	KBKMPB	KBBMPB	.4483*	.000
	KBKMPB	K	.0833	.651
	K	KBBMPB	.3650*	.001
Kecekapan Sosial (KCS)	KBKMPB	KBBMPB	.4550*	.000
	KBKMPB	K	.0150	.986
	K	KBBMPB	.4400*	.000
Kemahiran Sosial (KS)	KBKMPB	KBBMPB	.5117*	.000
	KBKMPB	K	.1067	.493
	K	KBBMPB	.4050*	.000

$p < .05$ (signifikan pada aras 95%)

Jadual di atas adalah hasil analisis ujian Post Hoc Tukey yang menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara kelompok rawatan Kelompok Bimbingan Kecil Modul Pencegahan Buli (KBKMPB) dan Kelompok Bimbingan Besar Modul Pencegahan Buli (KBBMPB) bagi subskala MED, PD, KCS dan KS; antara kelompok kawalan dengan KBBMPB bagi subskala MED, PD, KCS dan KS; kecuali antara KBKMPB dengan kelompok kawalan bagi subskala MED, PD, KCS dan KS.

Perbincangan

Secara keseluruhannya, kajian ini menunjukkan bahawa objektif kajian adalah tercapai yang mana hasil kajian mendapati bahawa KBKMPB dan KBBMPB berkesan dalam meningkatkan Kecerdasan Emosi (KE) para pelajar melalui ujian pra dan ujian pos. Selain itu, peningkatan yang ketara min ujian pos bagi kumpulan rawatan berbanding kumpulan kawalan. Hal ini jelas

menunjukkan bahawa penggunaan intervensi KBKMPB dan KBBMPB adalah bersesuaian digunakan terhadap pelajar. Selari dengan pernyataan ini terdapat beberapa kajian yang telah menggunakan modul kelompok TKT terhadap pelajar. Aktiviti yang diterapkan dengan teori TKT dalam MPBTKT ini dapat menambah pengetahuan mengenai organisasi buli di sekolah, membantu pelajar bertindak dalam membuat laporan terhadap kejadian buli, mendedahkan kepada pelajar mengenai tindakan yang dapat dilakukan jika dibuli seterusnya memberi kesedaran tentang kesan negatif buli terhadap diri, keluarga, masyarakat dan negara.

Hasil dapatan kajian ini selari dengan beberapa kajian menunjukkan modul TKT dapat meningkatkan hasil dapatan kajian. Kajian oleh Roslan (2017) yang mendapati bahawa modul TKT dapat meningkatkan kemahiran belajar pelajar. Selain itu, kajian Liyana (2016) juga menunjukkan modul TKT dapat meningkatkan ketidakfungsian pemikiran kerjaya dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Aktiviti yang diterapkan dengan teori TKT dalam MPBTKT ini dapat menambah pengetahuan mengenai organisasi buli di sekolah, membantu pelajar bertindak dalam membuat laporan terhadap kejadian buli, mendedahkan kepada pelajar mengenai tindakan yang dapat dilakukan jika dibuli, seterusnya memberi kesedaran tentang kesan negatif buli terhadap diri, keluarga, masyarakat dan negara.

Hasil kajian ini juga menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan kumpulan kawalan pada ujian pra dan ujian pos. Ini berikutan kumpulan kawalan tidak menerima intervensi KBKMPB dan KBBMPB bagi ujian pra dan ujian pos. Selain itu, kumpulan kawalan juga tidak didedahkan dengan segala pengetahuan dan maklumat-maklumat berkaitan pencegahan buli. Kumpulan kawalan mungkin hanya memahami mengenai kejadian buli secara umum tetapi tidak jelas dengan segala peraturan, tindakan dan maklumat dalam usaha mencegah buli.

KBKMPB dan KBBMPB juga meningkatkan PPS kerana ia mempunyai perancangan dan pengkajian secara ilmiah kerana melibatkan aplikasi TKT bagi mengemas dan memantapkan penghasilan modul tersebut. MPBTKT yang diintervensikan melalui kaedah bimbingan kelompok besar dan kelompok kecil telah melalui proses kesahan dan kebolehpercayaan bagi menguji ketekalan modul tersebut sebelum ianya diguna pakai dalam kajian lapangan sebenar.

Hasil analisis Post Hoc Tukey menunjukkan KBKMPB lebih berkesan berbanding KBBMPB. Pengkaji berpandangan hal ini adalah kerana KBKMPB mempunyai jumlah ahli kumpulan yang lebih kecil dan subjek kajian lebih fokus, selesa dan hubungan terapeutik antara guru dan subjek kajian lebih kejelekitan bersama ahli kumpulan berbanding kumpulan yang besar. Setiap ahli kelompok mempunyai lebih banyak peluang untuk menyumbang idea, bertanya soalan, dan berinteraksi secara aktif dan dengan itu dapat meningkatkan penglibatan dan kefahaman mereka. Manakala, kelompok besar sukar memastikan semua anggota terlibat secara aktif kerana sesetengah individu mungkin merasa terpinggir atau terhalang untuk bersuara. Oleh yang demikian, perbandingan keberkesanan antara dua kumpulan ini berlaku hasil dari penglibatan subjek kajian sama ada lebih memberi tumpuan dan komitmen terhadap aktiviti dalam kumpulan mahupun sebaliknya.

Dapatan ini selaras dengan kajian Emilia, Mohammad Aziz Shah, Ahmad Jazimin & Ahmad Yunus (2024) yang mendapati bahawa Kelompok Bimbingan Kecil (KBK) lebih berkesan berbanding Kelompok Bimbingan Besar (KBB). Namun, perbincangan di atas jelas menunjukkan bahawa pelaksanaan KBKMPB dan KBBMPB dapat meningkatkan TLMB, PPS dan KE dalam kalangan pelajar. Oleh itu, KBKMPB dan KBBMPB amat sesuai digunakan

oleh guru kaunseling, guru disiplin dan pengkaji seterusnya untuk dilaksanakan dalam kalangan pelajar dengan menggunakan subjek dan lokasi kajian yang berlainan.

Sumbangan Kajian

Kajian ini memberi sumbangan yang besar dalam menghasilkan dua intervensi iaitu KBKMPB dan KBBMPB yang mana kaedah kelompok bimbingan yang digunakan secara eksperimen merupakan satu bentuk intervensi bagi mengukur kesan Pemikiran Positif Sihat ke atas subjek kajian. Dua intervensi yang digunakan dalam kajian ini boleh digunakan sebagai rujukan oleh kaunselor dan pengamal-pengamal kaunseling dalam proses membantu klien.

Manakala, MPBTKT yang dibina dapat membantu kaunselor-kaunselor dalam menambah pengetahuan dan sebagai garis panduan ketika menjalankan sesi kaunseling kelompok iaitu ketika proses membantu klien yang terlibat dalam isu buli ini.

Seterusnya, intervensi eksperimen dalam bentuk kelompok bimbingan ini juga mempunyai nilai aplikasi yang tinggi kerana kaedah kelompok lebih menjimatkan kos, masa dan tenaga kaunselor kerana lebih ramai klien dapat dibantu dalam masa yang terhad (Ida Hartina 2006; Sapora 2008). Implikasinya, kajian ini membantu pihak pengurusan sekolah atau pengurusan sesebuah organisasi menjimatkan kos, masa dan tenaga kaunselor-kaunselor dalam proses membantu klien.

Selain itu, kajian ini juga secara langsung dapat mengisi kekurangan modul yang menggunakan pendekatan KBKMPB dan KBBMPB dalam negara ini. Kedua-dua intervensi ini berkesan dijalankan ke atas subjek kajian kerana intervensi ini meliputi proses pencegahan, pemulihan dan perkembangan klien. Intervensi pencegahan, perkembangan dan pemulihan ini merupakan keperluan kepada MPBTKT dalam merawat subjek kajian dan merupakan pelengkap kepada pendekatan yang sedia ada.

Saranan Penyelidikan Akan Datang

Kajian ini menggunakan pendekatan rawatan secara berkelompok. Walaupun kelompok bimbingan ini dilihat mudah untuk dijalankan, namun menjalankan sesi bimbingan melibatkan pelajar sekolah yang terdiri daripada pelbagai latar belakang, pemikiran dan tingkah laku yang berbeza, maka kaunselor perlu menjalankan sesi dengan efektif dan berkesan. Kaunselor juga perlu bersikap terbuka, menerima setiap klien tanpa syarat dan sentiasa memahami ragam dan sikap remaja sekolah pada peringkat menengah rendah ini kerana usia mereka dalam usia peralihan dari alam remaja kepada peringkat awal dewasa.

MPBTKT boleh dijadikan teras kepada pendedahan awal mengenai jenayah buli yang boleh diadakan di sekolah-sekolah seluruh negara seperti minggu orientasi, slot kelas bimbingan atau slot aktiviti yang diadakan secara mingguan. Pendedahan ini sangat baik diberikan kepada pelajar yang baru masuk ke sekolah menengah seterusnya mendedah dan mendidik mereka untuk menjauhi perbuatan buli kerana buli merupakan satu jenayah yang serius dan perlu dibanteras sejak awal.

Pengkaji akan datang boleh memurnikan lagi modul ini dengan menambah baik modul untuk dilaksanakan bukan sahaja melibatkan buli fizikal malah melibatkan buli lisan dan buli siber supaya dapatan kajian mengenai buli lebih komprehensif.

Subjek kajian bagi penyelidikan akan datang bukan sahaja melibatkan sahaja pelajar malah guru-guru dan kakitangan di sekolah, Jabatan Pendidikan Daerah dan Jabatan Pendidikan Negeri. Ini bagi menghasilkan dapatan kajian yang lebih bermutu dan berkesan supaya objek kajian dapat disampaikan secara menyeluruh di semua peringkat dalam dunia pendidikan.

Kesimpulan

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, pengkaji telah mengenengahkan dua intervensi berdasarkan Modul Pencegahan Buli berdasarkan Terapi Kognitif Tingkah Laku (MPBTKT) yang mana kaedah rawatan menggunakan pendekatan rawatan bimbingan kelompok dengan aplikasi teknik-teknik MPBTKT. Intervensi yang digunakan bermatlamat membantu klien dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi seterusnya membantu dalam proses perkembangan klien dalam menghadapi masalah pada hari muka. Selain itu, diharapkan MPBTKT ini dapat membantu lebih ramai pelajar-pelajar yang terlibat dengan isu buli khususnya dan orang awam secara amnya dalam memberikan pendedahan awal kepada mereka mengenai isu buli yang semakin membimbangkan seterusnya menyampaikan pengetahuan dan matlamat dalam tindakan membanteras isu buli ini secara berperingkat.

Penghargaan

Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Prof Madya Dr Fauziah Mohd Sa'ad selaku penyelia utama dan Prof Dr Muhammad Aziz Shah Mohammed Arip selaku penyelia bersama di atas segala bimbingan, tunjuk ajar, dorongan dan penasihat sepanjang saya menyiapkan kajian ini. Jutaan Terima kasih juga buat Faiz Adnan dan Keluarga selama ini banyak membantu dan menyokong perjalanan penyelidikan ini. Terima kasih juga kepada Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris yang telah memberi saya ruang dan membantu saya menyelesaikan sebarang permasalahan yang timbul berkaitan kajian sehingga kajian ini diterbitkan. Tidak lupa juga jutaan terima kasih kepada International Journal of Education, Psychology And Counseling (IJEPC) serta para penilai kerana telah menerima kajian penyelidikan ini untuk diterbitkan. Akhir sekali, ucapan terima kasih buat semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung sepanjang penyelidikan ini dijalankan.

Rujukan

- Abdul Malek Abdul Rahman. (2004). *Kesan Kaunseling Kelompok Berstruktur dalam merawat tingkah laku lansang buli di kalangan pelajar sekolah menengah*. Laporan Penyelidikan, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Azam., Mohamad Azhan., Mohd Zamre., & Fatimah Yusro. (2021). *Buli di Malaysia: Permasalahan dan Penyelesaiannya dari Perspektif Syariah*. Artikel Jurnal. UKM. 29 JUUM 3 - 13 <https://doi.org/10.17576/juum-2021-29-01>
- Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan-BPPDP (1992). *Kajian Penilaian Pelaksanaan Mata Pelajaran Matematik di Sekolah Rendah*. BPPDP, Putrajaya.
- Bulach. C.J., Penland, W.R. (2003). Bullying Behavior: What is the Potential for Violence at Your School? Acadmic Journal article: *Journal of Instruction Psychology*.
- D. Olweus, *Aggression in Schools: Bullies and Whipping Boys*. New York: Wiley, 1978
- D. Olweus, *The Olweus Bullying Questionnaire*. MN, Center City: Hazelden, 2007.
- De Voe, J. F., Kaffenberger, S., & Chandler, K. (2005). *Student reports of bullying results from the 2001 school crime supplement to the National Crime Victimization Survey Statistical Analysis Report*. U.S. Department of Education Institute of Education Sciences National Center For Education Statistics

- Emilia Man, Mohammad Aziz Shah Mohamed Arip, Ahmad Jazimin Jusoh, & Ahmad Yunus. (2024). *Kesan Modul Kaunseling Intervensi Motivational Interviewing Berasaskan Cognitive Behaviour Therapy Terhadap Tahap Motivasi dalam Kalangan Murid Sekolah Menengah*. E-Proceeding Postgraduate Research Conference, 81–85. https://fkip.usim.edu.my/wp-content/uploads/2024/02/LATEST-PROCEEDING-PRC-2023_compressed.pdf
- Goleman, D. (1995). *Emotional Intelligence: Why It Can Matter More Than IQ*. New York: Bantam Book.
- Goleman, D. (1995). *Emotional intelligence*. New York: Bantam Books.
- Goleman, D. (2006). *Working with emotional intelligence*. New York: Bantam Books.
- Goleman, D. (1995). *Emotional Intelligence*. Jakarta: Gramedia.
- Goleman, D. (1996). *Emotional intelligence: Why it can matter more than IQ*. Bantam Books.
- Goleman, D. (1998). *Working with emotional intelligence*. Bantam Books.
- Haslina Ahmad (2013). The impact of parental involvement on children's academic achievement: A study in Malaysian schools. *Journal of Educational Research*, 50(3), 215-230.
- Ida Hartina (2006). *Memimpin kaunseling kelompok*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing.
- Latifah Ariffin. (1 November, 2023). Kes Buli Di Sekolah Meningkat - Timbalan Menteri Pendidikan. *BH Online*.
- Mohammad Aziz Shah Mohamed Arip. (2010). *Kesan Kelompok Bimbingan Ke Atas Konsep Kendiri, Daya Tahan Dan Kelangsangan Remaja*. Tesis tidak diterbitkan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohammad Aziz Shah Mohamed Arip., Mohammad Nasir Bistamam., Ahmad Jazimin Jusof., Syed Sofian Syed Suffian., & Roslee Ahmad. (2013). *Manual Fasilitator Modul Pengubahsuaian Corak Pemikiran Berdasarkan Terapi Kognitif – Tingkahlaku*. Universiti Pendidikan Sultan Idris: Tanjong Malim.
- Neuman, W.L. (2003) *Social Research Methods: Qualitative and Quantitative Approaches*. Allyn and Bacon, New York.
- Noran Fauziah., Rajendran Nagappan., & Ahmad Jazimin Jusof. (2005). *Bullying Among Malaysian Elementary School Children*. <http://mahdzan.com/papers/bully/bully.asp> [26 July 2009].
- Noran Fauziah Yaakub., Fatimah Haron., & Ahmad Jazimin Jusoh. (2009). *Manual guru pencegahan buli di sekolah*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributions Sdn.Bhd.
- Noran Fauziah Yaakub. (2006). *Psikologi personaliti*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Nuraidah Abdullah. (2008). *Keberkesanan kaunseling kelompok berstruktur dalam meningkatkan kecerdasan emosi (Emotional Intelligence) remaja*. Tesis tidak diterbitkan, Universiti Malaysia Sarawak, UNIMAS.
- Nur Liyana Mohd Ibrahim. (2016). *Kesan bimbingan kelompok modul penyesuaian pemikiran kerjaya terhadap ketidakfungsian pemikiran kerjaya dalam kalangan pelajar sekolah menengah (IR)*. Tesis tidak diterbitkan, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Olweus, D. & Limber, S. (2016). *Five Key Components in a Global Strategy Against Bullying*. In *Ending The Torment: Tackling Bullying from the Schoolyard to Cyberspace*, United Nations Special Representative of the Secretary General on Violence Against Children, New York.
- Rigby, K. (1998). *Gender and bullying in schools*. In P.T. Slee and K. Rigby (eds) *Children's peer relations*. London: Routledge, 47 - 59.

- Rigby, K. (1998b). *Do victims become bullies? K Healey (Ed.) Bullying and Peer Pressure*. Sydney: The Spinney Press, 22 - 23.
- Roslan Ahmad Fuad. (2017). *Kesan Modul Kelompok Kemahiran Belajar Pendekatan Terapi Kognitif tingkah laku terhadap Kemahiran Belajar dan konsep sendiri dalam kalangan pelajar*. Tesis tidak diterbitkan, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Rueda, P., Pérez-Romero, N., Cerezo, M. V., & Fernández-Berrocal, P. (2021). *The Role of Emotional intelligence in Adolescent Bullying: A Systematic review*. *Psicología Educativa*, 28(1), 53–59. <https://doi.org/10.5093/psed2021a29>
- Sarimah Ariffin. (2017). *Kesan bimbingan kelompok modul penyesuaian pemikiran kerjaya terhadap ketidakfungsian pemikiran kerjaya dalam kalangan pelajar sekolah menengah*. Tesis tidak diterbitkan, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Sapora Sipon., & Ruhaya Hussin. (2008). *Teori Kaunseling dan Psikoterapi*. Nilai, Negeri Sembilan.
- Sidek Mohd Noah. (2005). *Pengujian dan Penilaian Kaunseling – Teori dan Aplikasi*. Serdang: Ampang Press Sdn Bhd
- Sidek Mohd Noah., & Jamaluddin Ahmad. (2005). *Pembinaan Modul: Bagaimana Membina Modul Latihan Dan Modul Akademik*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Sidek Mohd Noah. (2002). *Reka Bentuk Penyelidikan: Falsafah, Teori dan Praktis*. Serdang: Penerbitan UPM.
- Sidek Mohd Noah. (1998). *Pengujian Dalam Psikologi dan Kaunseling*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Smith, P.K., & Sharp, S. (1994). *School Bullying: Insights and Perspectives*. London: Routledge.
- Smith, P.K. (2014). *Understanding school bullying” Its nature and Prevention Strategies*. Sage. London, UK.
- Syed Sofian Syed Salim., Muhammad Bazlan Mustafa., Mohammad Aziz Shah Mohamed Arip., & Nor Haslin Mohd Adnan. (2015). *Kebijaksanaan emosi (KE) dan pencapaian akademik pelajar kolej Aminuddin Baki dan kolej Za’aba Universiti Pendidikan Sultan Idris*. *Jurnal Bitara Edisi Khas (Psikologi Kaunseling)*, 8, 1-14.
- Zarina Samin. (2013). Ziegler, S., & Rosenstein-Manner, M. (1991). *Bullying at school: Toronto in an international context*. Toronto: Toronto Board of Education, Research Service.